

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 "_____, sakitnya hati aku apabila melihat dia memakai baju baharu yang aku beli!" Suliza mengadu kepada kakaknya.
 A Cis C Aduh
 B Wow D Alamak

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



- 2 Emak menyuapkan _____ nasi ke dalam mulut adik.
 A sesuap C sepinggan
 B sekepal D semangkuk
- 3 Dialah satu-satunya anak kesayangan Puan Mariam. Namun, _____ itu telah meninggalkannya keseorangan.
 A anak emas C anak tunggal
 B anak tekak D anak sulung
- 4 Hujan yang turun _____ itu menyebabkan baju adik basah sedikit.
 A lebat C sedikit-sedikit
 B gerimis D renyai-renyai
- 5 Rasa ubat yang diberi oleh jururawat itu _____, susah untuk menelannya.
 A pahit C manis
 B payau D kelat

- 6 Mata datuk yang semakin _____ menyebabkan dia hanya dapat melihat objek yang besar sahaja.
 A buta C rabun
 B cerah D kelam

- 7 _____ nasi yang kakak masak, tidak boleh dimakan langsung.
 A Terbakar C Rentung
 B Hangit D Hangus

Soalan 8 berdasarkan gambar di bawah.



- 8 Kakak ke sekolah _____ nasi bungkus untuk dimakan pada waktu rehat.
 A membawakan C beriringkan
 B berbekalkan D berbelanjakan
- 9 _____ rumah Mawi dihiasi dengan pokok buah-buahan.
 A Pekarangan C Pengarangan
 B Perkarangan D Pengkarangan
- 10 Perlawanan _____ itu tidak boleh diadili oleh pengadil lelaki kerana permainan itu khusus untuk pemain wanita sahaja.
 A bola sepak C bola jaring
 B bola tampar D bola ping pong

Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Para dermawan dan hartawan telah berderma kepada fakir miskin sempena bulan Ramadan ini. Tiada kesalahan.
A B C D
- 2 Gempa bumi di Pakistan telah mengambil banyak nyawa disebabkan tertimbus oleh bangunan yang runtuh. Tiada kesalahan.
A B C D
- 3 Pembuangan sampah sarap ke sungai-sungai telah menyebabkan berlakunya pencemaran udara yang serius. Tiada kesalahan.
A B C D
- 4 Sikap liar anak lelakianya makin lama semakin menjadi-jadi sehingga tidak terbendung lagi olehnya. Tiada kesalahan.
A B C D
- 5 Jika ada siapa-siapa yang mengetahui apa-apa maklumat mengenai kehilangan beg berisi dadah itu diharap dapat melaporkan segera ke balai polis. Tiada kesalahan.
A B C D
- 6 Matahari tidak tinggi tetapi abang masih tidur lagi. Tiada kesalahan.
A B C D
- 7 Mesin basuh yang dibeli oleh ayah di Kedai Ah Cheong Singer telah dihantar pagi semalam. Tiada kesalahan.
A B C D
- 8 Perang dingin yang berlaku antara suami isteri itu akibat daripada khabar angin yang disampaikan oleh orang yang banyak mulut. Tiada kesalahan.
A B C D
- 9 Rakyat Malaysia sentiasa menghuturkan bantuan kepada sesiapa yang memerlukan bantuan. Tiada kesalahan.
A B C D
- 10 Air matanya menitik membasahi pipi setelah mendengar segala penderitaan yang ditanggung oleh sahabatnya. Tiada kesalahan.
A B C D
- 11 Ayah memotong beberapa ruas tebu dan sesisir pisang yang ditanamnya untuk adik. Tiada kesalahan.
A B C D
- 12 Kebanyakan peniaga-peniaga sayur-sayuran telah menaikkan sewenang-wenangnya harga sayur kepada pengguna. Tiada kesalahan.
A B C D
- 13 Penghantaran surat ke pelanggan semakin cepat apabila terdapat Perkhidmatan Pos Laju yang disediakan oleh Pos Malaysia. Tiada kesalahan.
A B C D

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 1 I Dia sudah *bercerai* dengan suaminya sejak 10 tahun yang lalu.
 II Pasangan kembar itu sudah *bercerai* setelah pembedahan itu berjaya dilakukan.
 III *Bercerai* kaki daripada badannya apabila digelek oleh lori treler semasa kejadian kemalangan itu semalam.
 IV Kami adik-beradik telah *bercerai* sejak ayah dan ibu meninggal dunia.
 A I dan III sahaja
 B I dan IV sahaja
 C II, III dan IV sahaja
 D I, II, III dan IV
- 2 I *Angin* satu badannya apabila terdengar berita yang memalukan itu.
 II Rumah itu runtuh disebabkan *angin* kencang yang berlaku semalam.
 III Ayah naik *angin* setelah kereta yang baru dibasuhnya dikotorkan semula oleh adik dengan lumpur.
 IV Dalam rumahnya terasa *angin* apabila kipas berputar laju.
 A I dan II sahaja
 B II dan III sahaja
 C III dan IV sahaja
 D I, II dan III sahaja
- 3 I *Pelita* minyak tanah masih digunakan sehingga ke hari ini.
 II Ilmu ialah *pelita* hidup kita di dunia ini, tanpanya kita akan hilang arah.
 III Anak bongsunya merupakan *pelita* hati yang sangat disayangnya.
 IV Dia umpama *pelita* yang sentiasa memberikan ilmu kepada yang memerlukan.
 A I dan II sahaja
 B II dan III sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D I, III dan IV sahaja
- 4 I Puan Hanim membeli *jantung* pisang untuk dibuat sayur.
 II Gadis itu merupakan *jantung* hati yang sangat dikasihinya.
 III Kereta itu rosak *jantungnya* dan terpaksa dihantar ke bengkel kereta.
 IV Encik Andrew menghidap sakit *jantung* sejak lima tahun yang lalu.
 A I dan III sahaja
 B II dan IV sahaja
 C I, II dan IV sahaja
 D I, III dan IV sahaja
- 5 I Pada masa ini, buah durian telah mulai *gugur* di dusun Pak Ali.
 II Pejuang-pejuang negara yang *gugur* di medan perang akan sentiasa dikenang.
 III Air hujan telah *gugur* pagitadi menyebabkan pakaian di jemuran basah.
 IV Pondok usang itu telah *gugur* menyembah bumi apabila ditiup angin kencang.
 A I dan II sahaja
 B II dan III sahaja
 C III dan IV sahaja
 D I, II, III dan IV
- 6 I *Hancur* hatinya mengenangkan kesusahan yang menimpa dirinya.
 II Kaca tingkap itu *hancur* berderai apabila dilanggar oleh lori.
 III Matanya *hancur* apabila melihat adiknya ditangkap polis.
 IV Badan Haziq *hancur* setelah dilanggar oleh sebuah kereta.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II dan IV sahaja
- 7 I Abang dan adiknya saling *bertikam* lidah mempertahankan diri masing-masing.
 II Penagih dadah itu *bertikam* antara satu sama lain sehingga berlaku kematian.
 III Pendekar itu saling *bertikam* lidah dengan menggunakan keris sehingga mati.
 IV Pendebat itu saling *bertikam* lidah untuk mempertahankan pendapat masing-masing dalam pertandingan perdebatan itu.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D I, II dan IV sahaja

1 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruangan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Setiap hujung minggu, Aiman akan pulang ke rumah membawa semua pakaian yang belum dibasuh.

(ii) Graduan lulusan universiti tempatan perlu mahir dalam berbagai perkara untuk bersaing dalam dunia pekerjaan.

(iii) Rakyat-rakyat di negara ini wajar bersikap rasional terhadap dasar kerajaan menarik semula subsidi minyak.

(iv) Menteri Perdana bersalaman dengan rakan sejawatnya dari China di pejabat pentadbirannya.

2 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruangan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Syarikat ABC Sdn. Bhd. akan Saiful beli selepas kami berbincang dengan ahli lembaga pengarah yang lain.

(ii) Baktinya kepada masyarakat di sini sangat besar amat dan akan terus dikenang sepanjang zaman.

(iii) Dalam kejadian ribut taufan di Kedah, beribu orang telah kehilangan tempat tinggal dan harta benda.

(iv) Amin diminta oleh gurunya untuk menjumlahkan angka-angka yang ditulis pada papan putih.

3 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruangan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Soalan esei yang diberikan oleh guru sebagai kerja di rumah saya belum buat kerana keletihan menghadiri latihan sukan pada petang semalam.

- (ii) Sungguh berjasa nian Pak Man kepada penduduk kampung ini kerana berusaha keras memohon peruntukan kewangan untuk membina jambatan baharu di kampung itu.

- (iii) Sidang Kemuncak yang berlangsung di ibu negara telah mendapat sambutan di kalangan negara serantau.

- (iv) Kebanyakan penduduk di kawasan perumahan baharu itu memasang lebih dari satu unit penghawa dingin di rumah masing-masing.

4 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruangan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Warkah yang dikirimkan oleh ibumu pada bulan lepas harus dibalas oleh engkau dengan kadar segera.

- (ii) Safea masih bersabar walaupun telah menunggu Sabri selama dua setengah jam.

- (iii) Kedua orang guru yang didakwa terlibat dalam kes membocorkan soalan peperiksaan awam dibebaskan kerana didapati tidak bersalah.

- (iv) Wakil rakyat itu berjanji akan melaksanakan pelbagai projek di kampung ini dan sentiasa mengambil berat terhadap kebajikan rakyat.

1 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Ibu bapa perlu mengalakkan anak-anak untuk menyertai aktiviti persatuan sekolah bagi meningkatkan keyakinan diri dan kemahiran kepimpinan.

- (ii) Remaja yang kurang didikan agama seringkali tersalah dalam pemilihan rakan sebaya untuk dijadikan tempat berkongsi masalah.

- (iii) Acapkali pakar motivasi itu mengingatkan para peserta yang menyertai program agar sentiasa memaafkan kesalahan orang lain.

2 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Aktiviti berjogging merupakan aktiviti yang paling digemari oleh masyarakat yang tinggal di kawasan Taman Tasik Titiwangsa.

- (ii) Gadis yang berbaju kurung itu kelihatan sangat bersopan-santun ketika berbual dengan dua orang jiran di hadapan rumahnya.

- (iii) Puan Azrina selalu berpesan kepada Hanim agar berhati-hati berbelanja ketika memperoleh wang yang banyak agar tidak terhantuk baru tergaduh.

3 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Guru di sekolah berprestasi tinggi sentiasa mengembleng tenaga bagi memastikan kecemerlangan pencapaian murid di sekolah tersebut dapat dikekalkan.

- (ii) Kes rompakkan yang berlaku di kawasan perumahan mewah itu semakin berkurangan sejak Persatuan Penduduk menggiatkan operasi ronda pada setiap malam.

- (iii) Kecemerlangan atlet negara dalam pelbagai bidang sukan perlu sentiasa digilap oleh jurulatih yang bersikap professional dan berintegriti.

4 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Penjenayah sering mempedayakan mangsanya dengan pelbagai modus operandi yang amat licik dan sukar dikesan.

- (ii) Jurulatih renang mengingatkan para peserta agar membawa pakaian renang dan kelengkapan renang yang lengkap pada setiap sesi latihan.

- (iii) Sikap segelintir murid yang sering bersikap biadap terhadap guru dipandang serius oleh semua pihak.

5 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Penunggang motorsikal itu cedera parah akibat kenderaannya terbabas sebelum dirempuh sebuah kereta.

- (ii) Pragawati yang tercantik itu menerima hadiah wang tunai RM15000 dan pakej percutan ke Jepun selama seminggu.

- (iii) Datin Wan Norida menggunakan cocok sanggul pemberian sahabat baiknya pada dandanan rambutnya.